

18/08/2002

Gendang dan politik air: Ada duri dalam daging

Maka isu sebenarnya bukanlah air

Kepulauan Melayu adalah dunia rumpun Melayu. Oleh sebab itu wujudnya sebuah negara yang diperintah oleh orang Cina, di tengah-tengah dunia Melayu ini, adalah suatu hal yang sama sekali tidak sepatutnya berlaku walau atas alasan apa pun. Bangsa Melayu jadi bangsa yang tak bermaruah dan bodoh politik.

Rumpun Melayu di kepulauan ini berjuang ratusan tahun untuk membebaskan diri daripada penjajahan Portugis, Belanda, Inggeris, Siam dan Jepun. Tetapi apabila penjajahan pergi, tiba-tiba Melayu hilang sebuah negeri. Inilah saya kira punca utama yang menjadi duri dalam daging yang terus mencucuk-cucuk pemimpin Singapura.

Generasi tua Melayu telah membenamkan perasaan sedih dan kecewa akibat hilangnya sebuah pulau warisan nenek moyang mereka. Mereka terpaksa menerima hakikat, akan wujudnya sebuah negara merdeka Singapura yang diperintah oleh Cina. (Semoga sejarah mengajar kita!)

Akan tetapi masih ada pemimpin Singapura yang takut dan bimbang. Selalu resah dan gelisah oleh kerana mewujudkan negara orang Cina di atas bumi Melayu dan di tengah dunia Melayu. Tersepit oleh Semenanjung Tanah Melayu, Sumatera, Pulau Jawa dan Kalimantan.

Kebimbangan dan keresahan itulah yang terus menghantui mereka, dan menjadi punca semua masalah, meskipun di kalangan rakyat Singapura perasaan seperti itu tidak ada. Malah, ramai yang berulang alik berniaga dan berpusu-pusu bercuti ke Johor dan Melaka. Ratusan tahun rumpun Melayu berjuang membebaskan diri daripada penjajahan. Tiba-tiba apabila merdeka, wujud sebuah negeri Cina di tengah dunia Melayu. Inilah duri dalam daging yang terus mencucuk-cucuk pemimpin Singapura

Oleh sebab itu, walaupun Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri berkali-kali menegaskan bahawa kita mesti bekerjasama untuk membangunkan negara masing-masing dan bersama membina jiran yang aman makmur, namun Singapura tidak habis-habis menimbulkan masalah demi masalah. Kedua negara terus bertelagah dalam isu-isu yang tidak sepatutnya bertelagah.

Perlulah diingat, masa depan kedua-dua negara ini bergantung kepada generasi muda. Generasi tua akan hilang dan mati. Oleh sebab itu pemimpin Singapura tidak patut terus mensensasikan dan mensensitifkan isu yang akan membakar semangat dan emosi politik generasi muda kedua negara.

Pemimpin generasi tua mestilah menurunkan dan menyuburkan semangat dan sikap politik yang betul, waras dan rasional kepada pemimpin generasi muda. Jika tidak, luka lama akan berdarah sepanjang masa. Permusuhan akan